


**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA**



**PEPERIKSAAN KURSUS PENGAJIAN AL-HADITH**

**Modul IV**

**Hadith-Hadith Mengenai Pembersihan Rohani**

**Februari 2018**

**Masa : 1 Jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

**Arahan:**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **dua (2)** soalan. Setiap soalan mempunyai **25 markah**.*
2. *Jawab **satu** soalan sahaja.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi **3** halaman yang bercetak.

[Lihat Halaman Sebelah  
**SULIT**

**Soalan Pertama**

(1) Baca hadith berikut dan jawab soalan yang diberikan.

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ

Sesungguhnya hanyasanya amalan itu dengan niat.

- (a) Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan dikatakan *gharib* (غَرِيبٌ) dari Umar Al-Khattab hingga kepada Yahya bin Sa`id. Apakah maksud *gharib* di sini dan apakah kesan *gharib* kepada hadith sahih? Jelaskan.

(5 markah)

- (b) Imam Ahmad mengatakan atas Islam berpaksikan kepada tiga buah hadith dan hadith ini termasuk salah satunya. Jawab soalan berikut berdasarkan kenyataan Imam Ahmad tersebut.

- (i) Bagaimanakah hadith ini mewakili satu pertiga daripada atas Islam? Huraikan.

(5 markah)

- (ii) Bagaimanakah hubungan hadith ini dengan ayat-ayat Al-Quran yang menjuruskan kepada ikhlas kepada agama? Adakah tujuannya sama atau berbeza? Jelaskan.

(5 markah)

- (c) Jelaskan bagaimana hadith ini dapat mendeduksikan bahawa amalan yang menjuruskan kepada *taqarrub* kepada Allah akan diberi pahala dan jika dilakukan secara adat tidak.

(10 markah)

**Soalan Kedua**

(1) Baca hadis berikut dan jawab soalan yang diberikan.

عَنْ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ عَنِ النَّبِيِّ قَالَ: إِنَّ الدُّنْيَا حُلْوَةٌ خَضْرَةٌ... فَاتَّقُوا الدُّنْيَا.

Daripada Abu Sa`id Al Khudri daripada Nabi saw baginda bersabda: Sesungguhnya dunia itu enak dan cantik.....maka takutilah kamu dunia! (Hadith Muslim No 7124)

- (a) Hadith di atas digunakan sebagai dalil tentang *zuhud* iaitu tidak memandang dunia. Huraikan makna *zuhud* dari perspektif penolakan terhadap dunia.

(5 markah)

- (b) Definasi *zuhud* yang lain ialah:

الزُّهُدُ تَرْكُ مَا لَا يَنْفَعُ فِي الدَّارِ الْآخِرَةِ

*Zuhud* ialah meninggalkan apa yang tidak memberi manfaat di hari Akhirat.

Huraikan definasi ini dengan mengemukakan perbandingannya dengan definasi *penolakan terhadap dunia* di atas.

(10 markah)

- (c) Apakah hikmah disyariatkan *zuhud*? Bincangkan.

(10 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**